

59 pelajar UPMKB sertai program 'Tumbina In Action'

BINTULU: Sekitar 59 mahasiswa Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan (DKHP) Semester 2 dan Semester 4 Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menjayakan program 'Tumbina In Action' di Taman Tumbina Bintulu, baru-baru ini.

Pengarah program Mohamad Zuhair Mohamad Affandy berkata, program tersebut dapat memupuk minat pelajar mengenali spesies unggas dengan lebih mendalam dan juga belajar meningkatkan kualiti kehidupan haiwan-haiwan yang ada.

"Program ini turut memberikan impak yang positif kepada pengunjung yang mana mereka dapat merasai pengalaman menyaksikan para pelajar menjalankan aktiviti pengayaan secara langsung dan pada masa

yang sama dapat mengetahui kepentingan menyediakan habitat yang sesuai untuk hidupan liar seperti unggas.

"Hasil tinjauan soal selidik mendedahkan demografi pelawat pelbagai dalam umur 19 hingga 40 telah melawat Tumbina beberapa kali menunjukkan minat dalam mengenali hidupan liar di taman ini," katanya.

Selain itu, tambahnya, persepsi positif tentang keberkesanan usaha pemuliharaan hidupan liar dengan sebahagian besar responden menyedari kepentingan program pengayaan walau pun terdapat pelbagai tahap pengetahuan mengenainya.

Dalam pada itu, penasihat Jabatan Sains Haiwan dan Perikanan UPMKB Profesor Madya Dr Juriah Kamaludeen berkata, pelaksanaan program berkenan-

akan mengasah kebolehan berkomunikasi dan kebolehan menyelia pasukan dalam kalan-gan pelajar yang terlibat.

"Pihak universiti berhasrat agar jalinan kerjasama antara Taman Tumbina ini dapat terus dijalankan pada tahun menda-tang," ujarnya.

Difahamkan, 'Tumbina In Action' merupakan program pen-gayaan (memperluas pengeta-huan, kemahiran, mengembang-kan minat dan bakat) pelajar terhadap hidupan liar khususnya kepada spesies unggas yang terdapat di Taman Tumbina Bin-tulu.

Ia melibatkan penyediaan persekitaran yang merangsang, aktiviti dan pengalaman kepada haiwan yang menyerupai habitat semula jadi dan menggalakkan tingkah laku semula jadi.

KENANGAN... Para pelajar dan pensyarah UPMKB merakam gambar kenangan semasa menyertai program 'Tumbina In Action' di Taman Tumbina Bintulu, baru-baru ini.

